



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 36 / 2024

PENGELUARAN KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN NEGERI N.29 MAHKOTA, JOHOR

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengeluarkan sebanyak **607 kertas undi pos** kepada yang berhak untuk mengundi secara pos bagi PRK N.29 Mahkota, Johor pada **15 September 2024 (Ahad)**. Pengeluaran kertas undi pos dilakukan oleh Petugas Pilihan Raya yang dilantik Pegawai Pengurus dengan kehadiran ejen undi pos daripada calon-calon yang bertanding.
2. Kertas undi pos yang telah dikeluarkan adalah terdiri daripada **591 undi pos Kategori 1A** (Petugas Pilihan Raya, Anggota Polis dan Anggota Tentera), **empat undi pos bagi Kategori 1B** (warganegara Malaysia yang menetap di luar negara), **dua undi pos bagi Kategori 1C** (Agensi dan Organisasi) **dan 10 undi pos bagi Kategori Pengundi Tidak Hadir (PTH) Luar Negara**.
3. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos supaya membuat penandaan pada kertas undi, mengisi dengan lengkap dan betul borang Perisyiharan Identiti (Borang 2), serta segera mengembalikannya kepada Pegawai Pengurus berkenaan **sebelum pukul 5:00 petang** pada Hari Mengundi iaitu pada **28 September 2024 (Sabtu)**.

4. Pengundi juga diingatkan agar sentiasa **menjaga kerahsiaan undi** masing-masing dengan tidak merakam gambar kertas undi pos dan menulkarkannya di laman media sosial.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

15 September 2024 / 11 Rabiulawal 1446H